



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR  
BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**PENYEDIAAN RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN, 2016-2020:  
PROSPEK EKONOMI, TERAS STRATEGIK DAN  
KAEDAH PENYEDIAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

**Tujuan**

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:

- i. memaklumkan prospek ekonomi dalam tempoh Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T), 2016-2020;
- ii. menggariskan teras strategik RJ5T 2016-2020 berdasarkan integrasi pelan-pelan yang berkuatkuasa di negeri Johor ke arah mencapai negeri berpendapatan tinggi dan merupakan destinasi pilihan untuk pelaburan serta kehidupan yang berkualiti di samping menjamin kesejahteraan rakyat;
- iii. memberi panduan kepada pihak-pihak berkaitan mengenai kaedah permohonan peruntukan dari Kerajaan Negeri dalam tempoh 2016-2020 di bawah RJ5T; dan
- iv. memaklumkan penyediaan RJ5T adalah selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11).

**Prospek Ekonomi Rancangan Johor Lima Tahun**

2. Ekonomi negeri dijangka terus mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sepetimana dicapai dalam tempoh beberapa tahun antara 2010-2013. Dalam tempoh ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar bagi negeri Johor telah mencatat pertumbuhan purata 7.0 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan sebuah ekonomi yang berdaya tahan dan mampu

bangkit memandangkan negeri Johor turut terkesan dengan krisis kewangan dan ekonomi dunia pada tahun 2009. Pada tahun 2013, menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, KDNK per kapita bagi negeri Johor mencatatkan peningkatan kepada RM25,032 daripada RM 16,298 pada tahun 2005 iaitu peningkatan purata tahunan sebanyak 6.0 peratus.

3. RJ5T kali ini merupakan fasa terakhir dalam perancangan lima tahun ke arah mencapai visi pertumbuhan Johor bagi menjadikan Johor sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, RJ5T ini amat kritikal bagi memastikan visi tersebut akan tercapai sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, dalam tempoh 2013-2020, KDNK per kapita perlu berkembang sebanyak 8.7 peratus setahun selari supaya KDNK per kapita berjaya melepassi garis KDNK per kapita iaitu RM 45,000 sebagaimana digariskan dalam Pelan Pertumbuhan Strategik Johor untuk mencapai status berpendapatan tinggi. Jika pertumbuhan sebanyak 6.0 peratus dicapai sepetimana tahun 2005-2013, Johor hanya mampu mencapai status berpendapatan tinggi pada tahun 2023. Justeru itu, pendekatan drastik dan realistik perlu diambil agar visi di peringkat negeri dapat diselaraskan dengan visi Wawasan 2020. Potensi pertumbuhan ini akan dapat direalisasikan menerusi peningkatan ketara tahap produktiviti dan inovasi negeri.

4. Kepelbagai sumber pertumbuhan ekonomi negeri Johor dijangka menjadi asas kekuatan negeri seterusnya memperkuuhkan daya tahan ekonomi. Meskipun sektor pembuatan dan perkhidmatan mendominasi sumbangan kepada ekonomi negeri, sektor lain seperti pertanian dan pembinaan terus memberikan sumbangan yang signifikan. Ini terbukti apabila negeri Johor kekal sebagai pengeluar bekalan makanan terbesar di Malaysia. Segmen pertumbuhan baru seperti sektor Minyak dan Gas serta Bioteknologi juga turut diterokai agar produktiviti, nilai tambah dan juga penjanaan pendapatan dapat ditingkatkan secara ketara. Bagi tahun 2014, Johor sekali lagi mencatatkan jumlah pelaburan sektor pembuatan tertinggi di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 21.18 bilion berbanding RM 14.4 bilion. Jumlah pelaburan ini dijangka dapat memacu pertumbuhan ekonomi apabila iaanya direalisasikan dalam tempoh terdekat. Manakala bagi pasaran tenaga kerja pula pengangguran kekal di bawah 4 peratus menggambarkan tahap guna tenaga penuh sedang berlaku di samping purata gaji dan upah bulanan adalah pada RM 2,394 iaitu merupakan ketiga tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan 40 peratus terendah, akan menjadi fokus utama selari dengan langkah Kerajaan Persekutuan supaya hasil pembangunan dapat dinikmati bersama.


5. Bagi memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi tercapai, antara cabaran utama yang perlu diatasi di negeri Johor adalah:

- i. hampir separuh isi rumah negeri Johor berpendapatan purata di bawah RM 5,000;
  - ii. hanya 21 peratus tenaga kerja di negeri Johor mempunyai pendidikan tertiar, manakala bagi ketua isi rumah berpendapatan menengah dan rendah hanya 10 peratus berpendidikan tertiar;
  - iii. tahap produktiviti secara relatifnya masih rendah berbanding di peringkat nasional di mana KDNK per kapita hanya pada RM 25,302 manakala nasional adalah pada RM 32,984 meskipun Johor merupakan penyumbang keempat tertinggi bagi KDNK nasional;
  - iv. sektor perkhidmatan mendominasi struktur ekonomi negeri namun kekal kurang produktif berbanding purata nasional;
6. Secara keseluruhannya, RJ5T dirangka dengan mengambil kira visi yang telah digariskan iaitu untuk menjadi sebuah negeri maju melalui strategi pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif, selain memastikan aspek kesejahteraan rakyat akan sentiasa keutamaan kerajaan.

### Teras Strategik RJ5T

7. RJ5T akan terus melaksanakan pendekatan kerajaan negeri dalam aspek pembangunan berasaskan kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi yang mampan. Kerajaan negeri akan memberi keutamaan kepada **inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua pendekatan tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah** seperti mana pendekatan yang diamalkan Kerajaan Persekutuan dalam RMKe-11.
8. Untuk melaksanakan pendekatan ini, satu kerangka perancangan bersepadu yang menghubungkaitkan teras strategik dengan Bidang Fokus Utama Negeri (BFUN) dan *outcome* negeri telah dibangunkan, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1**. Pihak-pihak berkaitan yang menerima peruntukan kerajaan negeri dikehendaki merancang projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* negeri.

**RAJAH 1: KERANGKA PERANCANGAN BERSEPADU**



9. Bagi mencapai matlamat strategi ini, kerangka perancangan bersepadu RJ5T akan berasaskan kepada lima teras strategik utama dan disokong oleh Bidang Fokus Utama Negeri (BFUN) iaitu:

#### **Teras Pertama: Pengukuhan Pembangunan Inklusif;**

- BFUN1 Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah
- BFUN2 Masyarakat Luar Bandar
- BFUN3 Masyarakat Bumiputera
- BFUN4 Wanita Dalam Pembangunan
- BFUN5 Institusi Kekeluargaan
- BFUN6 Miskin Bandar
- BFUN7 Golongan Khusus (OKU, Orang Asli, Warga Emas)

#### **Teras Kedua: Peningkatan Kesejahteraan Rakyat;**

- BFUN1 Kualiti Penjagaan Kesihatan
- BFUN2 Keselamatan Dan Ketenteraman Awam
- BFUN3 Perumahan Untuk Rakyat

- BFUN4 Kos Sara Hidup
- BFUN5 Pembangunan Kerohanian
- BFUN6 Penyampaian Perkhidmatan Pbt/ Awam
- BFUN7 Pengurusan Alam Sekitar Dan Sumber Asli
- BFUN8 Integrasi Dan Perpaduan Sosial
- BFUN9 Pembangunan Belia Dan Sukan
- BFUN10 Penyediaan Kemudahan Rekreasi Dan Riadah
- BFUN11 Pemeliharaan Warisan Dan Kebudayaan

**Teras Ketiga: Pembangunan Modal Insan;**

- BFUN1 Modal Insan Berkualiti & Menepati Kehendak Pasaran
- BFUN2 Akses Kepada Pendidikan&Latihan
- BFUN3 Kerjasama Antara Penyedia Pusat Latihan Dan Industri
- BFUN4 Pelaburan Yang Menjana Pekerjaan Pendapatan Tinggi/Kemahiran Tinggi
- BFUN5 Modal Insan Dipacu Pembangunan Kluster Setempat

**Teras Keempat: Pemerkasaan Infrastruktur; dan**

- BFUN1 Sistem Pengangkutan Dan Kemudahan Awam
- BFUN2 Jaringan Perhubungan (Udara, Darat Dan Laut)
- BFUN3 Perkhidmatan Utiliti (Air, Elektrik, Sanitasi)
- BFUN4 Rangkaian ICT/Telekomunikasi
- BFUN5 Infrastruktur Bagi Golongan Khusus/OKU

**Teras Kelima: Perekayasaan Pertumbuhan Ekonomi.**

- BFUN1 Pembangunan Menyeluruh Mengikut Kluster
- BFUN2 Keusahawanan
- BFUN3 Pelaburan Berkualiti
- BFUN4 Teknologi Hijau
- BFUN5 Rnd, Pengkomersialan, Inovasi Dan Produktiviti
- BFUN6 Sistem Sokongan Dan Fasilitasi
- BFUN7 Insentif Kepada Industri
- BFUN8 F&B
- BFUN9 Penjagaan Kesihatan
- BFUN10 O&G
- BFUN11 Pendidikan
- BFUN12 Pelancongan
- BFUN13 Pertanian
- BFUN14 Bioteknologi
- BFUN15 Logistik

10. Teras strategik RJ5T pertama hingga ketiga akan mendasari pembangunan berasaskan kesejahteraan rakyat dan teras ketiga hingga kelima akan menyokong pembangunan ekonomi yang berdaya tahan.

11. Teras pertama, iaitu **Pengukuhan Pembangunan Inklusif**. Pembangunan di negeri Johor bersifat inklusif iaitu bersifat adil, saksama dan menyeluruh. Tumpuan diberikan kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu berpendapatan 40 peratus terendah berserta kemiskinan bandar. Peningkatan penyertaan Bumiputera golongan khusus serta peranan wanita dalam aktiviti ekonomi juga akan diberi tumpuan di samping membantu mempercepat transformasi luar bandar serta memperkuuh pembangunan institusi kekeluargaan. Selain daripada itu, pembangunan di negeri Johor akan dipastikan berlaku lebih menyeluruh meliputi semua kawasan dan tidak hanya tertumpu di sesebuah kawasan sahaja sesuai dengan strategi yang digariskan di bawah Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor.

12. Teras kedua, iaitu **Peningkatan Kesejahteraan Rakyat** akan memberikan tumpuan terhadap aspek dan usaha ke arah mengurangkan kos sara hidup, menyediakan perumahan yang berkualiti dan mampu milik, meningkatkan tahap keselamatan, menambahbaik perkhidmatan dan penyampaian kerajaan tempatan dan kerajaan, memartabatkan syiar Islam, menyokong peningkatan akses terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan, memperkuuh permuafakatan serta memperluas aktiviti belia dan sukan. Di samping itu, asas kesejahteraan generasi akan datang turut diberi tumpuan menerusi dua aspek iaitu pertama berkenaan pengurusan alam sekitar dan sumber asli serta aspek kedua berkenaan warisan dan kebudayaan.

13. Teras ketiga, iaitu **Pembangunan Modal Insan** merupakan teras yang memainkan kedua-dua peranan dalam mendasari kesejahteraan rakyat dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Teras ini akan memastikan transformasi dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam ekonomi berpendapatan tinggi, menarik pelaburan yang mampu menjana pendapatan dan berkemahiran tinggi. Sinergi di antara penyedia pusat latihan, industri dan kerajaan akan terus dioptimumkan di samping memperluaskan akses rakyat kepada pendidikan dan latihan serta pembentukan modal insan dipacu pembangunan kluster setempat.

14. Teras keempat, iaitu **Pemerkasaan Infrastruktur** akan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan dan kemudahan infrastruktur awam termasuk ICT dan komunikasi, memastikan pewujudan sistem logistik bersepadu dan jaringan perhubungan, serta meningkatkan akses kepada sanitasi dan bekalan air serta elektrik. Akses kepada infrastruktur akan turut disebar luas kepada golongan khusus dan OKU.

15. Teras kelima, iaitu **Perekayaan Pertumbuhan Ekonomi** akan merangkumkan tiga pendekatan utama selari dengan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor. Pertama, pendekatan berdasarkan sumber akan meliputi sistem sokongan dan fasilitasi serta insentif kepada industri terpilih. Pendekatan strategik pula akan menyentuh pembangunan menyeluruh mengikut kluster, pemerkasaan usahawan, penarikan pelaburan berkualiti, mempromosi teknologi hijau serta peningkatan jangka panjang menerusi penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R, D & C), inovasi dan peningkatan produktiviti. Bagi menuju ke arah negeri maju, struktur ekonomi Johor juga akan beralih dengan memberi tumpuan kepada pelaburan yang mempunyai impak tinggi serta tumpuan terhadap beberapa sektor perkhidmatan terpilih seperti sektor minyak & gas, perkhidmatan kesihatan, pelancongan, kewangan, logistik dan juga sektor pertanian dan industri asas tani.

### **Perancangan dan Pelaksanaan RJ5T**

16. Selaras dengan pendekatan yang diamalkan oleh kerajaan persekutuan dalam perancangan pembangunan Rancangan Malaysia sejak RMK-10, pemilihan dan pelaksanaan projek RJ5T akan berdasarkan kepada *outcome*. Jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan hendaklah merancang projek pembangunan yang memberi *outcome* yang tinggi, selaras dengan keutamaan negeri, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.

#### *Agihan Siling Secara Bajet Tahunan*

17. Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan secara tahunan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. **Anggaran siling bayang** akan diperkenalkan di bawah RJ5T perlu menjadi panduan oleh jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan semasa menyediakan projek supaya tidak wujud permohonan yang berlebihan.

#### **Pelaksanaan Projek RJ5T**

18. Prestasi pelaksanaan menjadi pengukur utama dalam menentukan kejayaan sesebuah projek pembangunan. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan, Pegawai Pengawal dibenarkan meminda skop dengan syarat perubahan skop tidak melibatkan pertambahan kos, tidak mengubah jadual asal pelaksanaan projek dan tidak menjelaskan pencapaian *outcome*. Pindaan skop projek pembangunan oleh Pegawai Pengawal hendaklah dimaklumkan kepada UPEN Johor dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

19. Perubahan lokasi, keadaan geologi dan topografi tapak akan memberi kesan kepada kos projek. Oleh itu, jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan tidak dibenarkan untuk mengubah lokasi bagi projek yang telah diluluskan. Perubahan lokasi bagi projek yang telah diluluskan hanya dibenarkan dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dengan syarat tidak melibatkan peningkatan kos.

### **Penetapan Keutamaan Projek**

20. Semasa mengemukakan permohonan projek, jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi keutamaan dan menyegerakan pelaksanaan:

- i. Projek Sambungan yang menunjukkan *outcome* yang menepati sasaran Kerajaan Negeri;
- ii. Projek yang mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan;
- iii. Projek yang telah diluluskan secara berfasa.

21. Bagi permohonan projek pembangunan yang baharu, keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi serta menyokong teras-teras strategik utama yang telah digariskan. Jumlah permohonan keseluruhan jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi setiap tahun adalah berasaskan anggaran siling bayangan yang ditetapkan.

### **Penyediaan Projek RJ5T**

#### *Pematuhan Akta/Garis Panduan/Pekeliling*

22. Bagi membantu jabatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan membuat perancangan projek pembangunan yang akan dilaksana dalam RJ5T, sebarang bentuk Akta /pekeliling/garis panduan yang masih berkuatkuasa dan ditimbal oleh Kerajaan Negeri hendaklah dipatuhi.

23. Dalam merangka projek pembangunan baharu, jabatan, dan badan-badan berkanun perlu membuat perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan *stakeholders*. Sehubungan ini, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Jabatan hendaklah berunding dengan agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing untuk menyediakan projek pembangunan.
- ii. Pejabat-pejabat Daerah hendaklah mengemukakan kepada Jabatan-jabatan cadangan projek yang menjadi keutamaan daerah melalui UPEN. Bagi tujuan ini, jabatan-jabatan hendaklah:
  - a) mengadakan perbincangan dengan Pejabat-pejabat Daerah untuk memastikan jabatan mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat daerah. Perbincangan ini boleh diselaras oleh UPEN bagi memudahkan jabatan/agensi memperoleh komitmen pihak berkuasa tanah, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti; dan
  - b) semua projek fizikal wajib diteliti oleh unit teknikal di jabatan atau jabatan teknikal berkaitan bagi jabatan/agensi yang tidak mempunyai unit teknikal sebelum dikemukakan kepada UPEN.
- iii. Bagi projek fizikal, perancangan jabatan hendaklah selaras dengan:
  - a) Rancangan Fizikal Negara yang merumuskan dasar strategi pemajuan fizikal negara serta menterjemah objektif pembangunan negara dalam bentuk spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan. Rancangan Fizikal Negara boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
  - b) Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah serta menggariskan hala tuju pembangunan negeri, daerah dan kerajaan tempatan yang boleh diperoleh daripada pihak berkuasa perancang negeri dan daerah.

24. Beberapa badan berkanun telah dikenal pasti mempunyai lebihan dalam kumpulan wang rezab masing-masing. Dalam mempertimbangkan permohonan projek badan berkanun, kedudukan semasa wang rezab tersebut akan diambil kira. Badan berkanun yang mempunyai sumber kumpulan wang rezab hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek pembangunan masing-masing. Badan berkanun juga perlu mengemukakan Pelan Strategi bagi pembangunan 5 tahun ini.

25. Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai. Sekiranya tapak belum diperolehi, hanya peruntukan untuk perolehan tanah sahaja boleh diperolehi.

26. Pemantauan kemajuan pelaksanaan projek yang dibiayai oleh kerajaan negeri hendaklah dipantau dan di bawah tanggungjawab jabatan berkaitan. Pemantauan projek juga boleh dibuat melalui forum Jawatankuasa Tindakan Daerah atau apa-apa medium yang dirasakan bersesuaian di peringkat pentadbiran daerah. Kerajaan Negeri juga akan membuat pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan projek yang telah dirancang pada tahun semasa.

### **Kaedah Mengemukakan Senarai Projek Pembangunan**

27. Semua permohonan projek hendaklah dihantar kepada Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor menerusi Borang Permohonan yang telah disediakan sebagaimana **Lampiran A**.

28. Pihak Urusetia berhak untuk memohon pihak jabatan untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya dirasakan terdapat maklumat yang masih diperlukan selain daripada keperluan standard di dalam Borang Permohonan yang disediakan.

29. Bagi memberi maksud Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus definisi yang dinyatakan pada **Lampiran B** garispanduan ini yang menyatakan senarai klasifikasi Pembiayaan Projek di bawah Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus perlu dipatuhi oleh setiap jabatan/agensi.

### **Tarikh mengemukakan cadangan projek**

30. Tarikh untuk jabatan mengemukakan cadangan projek kepada urusetia yang dinyatakan di atas bermula 20 September 2015 sehingga 30 September 2015.

### **Pegawai Perhubungan**

31. Setiap jabatan hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPEN Johor dan Pejabat Kewangan Negeri Johor bagi menyelaraskan kerja permohonan projek di bawah RJ5T. Nama pegawai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Urus Setia RJ5T apabila dipohon oleh jabatan-jabatan berkaitan.

32. UPEN Johor dan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri akan menyelaras permohonan projek melalui pegawai perhubungan yang telah dilantik oleh jabatan.

## **Sebarang Pertanyaan Berhubung Garis Panduan**

33. Sebarang pertanyaan, surat-menyerat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia Rancangan Johor Lima Tahun  
Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor  
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad  
Kota Iskandar, 79000, Nusajaya

(u/p : Seksyen Makro, Penyelidikan dan Pembangunan)


Tel : 07-266 6618

Faks : 07-290 9992/3

E mel : rj5t@johor.gov.my

34. Semua /jabatan/agensi adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RJ5T, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negeri dalam tempoh 2016-2020 sebagai pelengkap kepada pelan pembangunan di bawah RMK-11 yang seterusnya akan membantu negeri Johor mencapai status selaku sebuah negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



( DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM )  
Setiausaha Kerajaan Johor

Tarikh : 09 SEP 2015



LAMPIRAN A

**PERMOHONAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN  
(2016)**

1. NAMA PROJEK :
2. ANGGARAN
  - 2.1. Kos Keseluruhan:
  - 2.2. Tempoh pelaksanaan :
3. AGENSI :
  - 3.1. Pemilik projek :
  - 3.2. Pelaksana projek :
4. LATAR BELAKANG PROJEK

BIL.	PERKARA
4.1	Daerah/ Mukim
4.2	Lokasi Projek
4.3	Nama Kawasan Parlimen
4.4	Nama Kawasan Dewan Undangan Negeri
4.5	Status Tanah

**PERMOHONAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN  
(2016)**

**5. OUTCOME PROJEK**

BIL.	Teras Strategik	Bidang Fokus Utama	Outcome	Sasaran/KPI
5.1				
5.2				
5.3				
5.4				
5.5				
5.6				

**6. ANGGARAN KOS PROJEK**

Bil.	Item	Pengukuran		Anggaran (RM)	Catatan
		Bilangan	Jangkamasa		
1.					
2.					
3.					
4.					
5.	JUMLAH				

LAMPIRAN A

**PERMOHONAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN  
(2016)**

**7. ULASAN PEJABAT DAERAH BERKAITAN**

**8. JUSTIFIKASI PROJEK.**

Sila nyatakan jika projek adalah Projek sambungan (Outcome yang dicapai perlu dinyatakan) / mendapat kelulusan khas Kerajaan (Akuanji Kerajaan) / Projek diluluskan secara berfasa.

**PERMOHONAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN  
(2016)**

9. **PERUNTUKAN LAIN YANG AKAN DIGUNAKAN BERSAMA DENGAN PERUNTUKAN PROJEK INI SEKIRANYA BERKAITAN (DIGABUNGKAN) :**  
Perlu dinyatakan samada terdapat peruntukan lain yang digunakan, sebagai contoh :- peruntukan daripada Kementerian dan GLC Negeri.
- 
- 

10. **MAKLUMAT DAN PERINCIAN LAIN YANG BERKAITAN BAGI TUJUAN MENYOKONG PERMOHONAN**  
Sila lampirkan dokumen berkaitan, sebagai contoh:imej gambar, pelan tapak dan peta lokasi

**SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH  
BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE)**

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
1.	<b>BINA BAHARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI</b> <u>Definisi:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <u>Bina baharu:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-kerja pembinaan bangunan/ infrastruktur baharu.</li> <li>• Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur.</li> </ul> </li> <li>b. <u>Naik taraf</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-kerja menaik taraf fizikal bangunan/ infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan).</li> <li>• Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/ saiz sedia ada.</li> <li>• Perolehan kelengkapan/perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang dinaik taraf.</li> </ul> </li> <li>c. <u>Ubah suai:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-kerja ubah suai bangunan/ infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan.</li> <li>• Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang di ubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada.</li> </ul> </li> </ul>			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/ infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/ perabot dan peralatan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan bangunan baharu Pusat Pentadbiran Daerah Ledang beserta kelengkapan perabot.</li> <li>• Menaiktaraf Jalan Kg. Parit Simpan, Daerah Batu Pahat.</li> <li>• Ubahsuai, Naik taraf dan Pembinaan Kompleks Penghulu.</li> </ul>
2.	<p><b>PENYELENGGARAAN</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <p>a. Kerja-kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau membaiki kerosakan/ kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/ sempurna. Contoh: penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/ peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, <i>culvert</i>) dan sebagainya; dan</p> <p>b. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/ infrastruktur.</p>			

Bil.		Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
			OE	DE	
	i.	Kerja-kerja <u>penyelenggaraan dan pembaikan</u> kompleks/bangunan / infrastruktur.		✓	
	ii.	<u>Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/ berulang</u> seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, <i>wiring</i> , siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan Infrastruktur dan kompleks / bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrikal.		✓	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii.	<u>Penyelenggaraan rutin seperti resurface &amp; partial construction, tampil lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya</u>		✓ • Projek pembersihan saliran • Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran
	iv.	<u>Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala/ kontrak ke atas kenderaan dan jentera.</u>	✓	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
3.	<b>PEROLEHAN ASET TETAP</b>			
	i. Perolehan tanah/tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian Tanah bagi Projek Pembangunan Perniagaan Rakyat.</li> </ul>
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan		✓	
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/projek pembangunan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Menempatkan Usahawan Bumiputera.</li> </ul>

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
4.	<b>PEROLEHAN HARTA MODAL</b>			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/ bersekali dengan bangunan/ infrastruktur)		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan bangunan baharu Pusat Pentadbiran Daerah Ledang.</li> </ul>
	ii. Perolehan jentera, peralatan dan mesin baharu/ menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian insinerator di tapak pelupusan sampah Seelong.</li> </ul>
	iii. Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi dan penguatkuasaan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perolehan Kereta Penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Galian</li> </ul>

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	v. Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu</li> </ul>
	vi. Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran)	✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>One-off kenderaan/jentera - Pembelian kenderaan pejabat</li> </ul>
	vii. Perolehan penggantian/tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/infrastruktur)	✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>One-off harta modal – Pembelian 10 unit komputer</li> </ul>
	viii. Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat	✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Senggaraan</li> <li>Landskap Pejabat</li> </ul>

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
5.	<b>PEMBANGUNAN MODAL I NSAN/LATIHAN</b>		√	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)</li> <li>• Program Kapasiti dan Kapabiliti Modal Insan Negeri Johor</li> </ul>
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar			
6.	<b>PERBELANJAAN- PERBELANJAAN LAIN</b>		√	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seminar, persidangan, kursus dan sebagainya</li> </ul>
	i. Pembangunan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian secara program/ pakej			
	ii. Penyelenggaraan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian bukan secara program/ pakej	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. a. Perolehan perkhidmatan ICT (Kegunaan Pejabat)  b. Perolehan perkhidmatan ICT (Kegunaan Program awam melibatkan golongan sasar)	✓	✓	
	iv. Promosi dan pengiklanan program yang menyumbang kepada KDNK negeri (pelancongan & pelaburan)		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program promosi pelancongan (Jabatan Pelancongan)</li> <li>• Program penggalakan pelaburan (JSIC)</li> </ul>
	v. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Kejuruteraan Rapid Transit System</li> </ul>

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	vii. Bayaran bil utiliti	✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos Operasi &amp; Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW</li> </ul>
	viii. Bayaran pampasan/ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan	✓		
	ix. Bayaran emolument, eluan lebih masa dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/ sementara	✓		
	x. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara	✓		
	xi. Penganjuran majlis perasmian/ pecah tanah projek pembangunan	✓		
	xii. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya	✓		

\*Sekiranya terdapat pertikaian terhadapa pengelasan permohonan projek pembangunan dan pengurusan, ianya akan diputuskan oleh Timbalan Setiausaha Pembangunan/Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.